



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

KENYATAAN MEDIA BERHUBUNG PENJELASAN ISU AYAM YANG DIBANGKITKAN OLEH FREE MALAYSIA TODAY

Free Malaysia Today (FMT) telah menerbitkan artikel bertarikh 28 Februari 2022 yang bertajuk "*Malaysia's looming food crisis*" oleh Murray Hunter. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berpandangan artikel tersebut tidak disokong dengan fakta yang tepat dan seterusnya ianya boleh menimbulkan persepsi negatif terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam mengatasi isu kekurangan bekalan ayam di pasaran tempatan dan mengawal kenaikan harga jualan runcit ayam pada masa kini. Sehubungan itu, terdapat keperluan bagi MAFI untuk menjelaskan beberapa isu-isu yang dibangkitkan.

Berasaskan data 2019, menunjukkan pengeluaran daging lembu dan kerbau negara berada pada 23% tahap sara diri. Manakala pengeluaran daging kambing 12% dan susu segar 59%. Pengeluaran daging ayam pada kadar 98% dan telur 113% tahap saradiri.

Melalui Dasar Agromakanan Negara 2021 -2030 (DAN 2.0), kerajaan mensasarkan untuk mempertingkatkan prestasi 50% pengeluaran daging lembu dan kerbau, 30% kambing dan 100% susu segar menjelang 2025.

Peningkatan ini berlaku ekoran penglibatan aktif syarikat swasta dalam membangunkan industri penternakan berskala besar melalui kemudahan dan intervensi kerajaan. Agensi-agensi kerajaan (GLC) yang mengusahakan tanah ladang turut memberi kesan positif kepada peningkatan kenaikan pengeluaran negara. Sebagai contoh peningkatan populasi ruminan dalam integrasi berjaya dipertingkatkan daripada 12,821 ekar (2012) kepada 47,741 ekar (2020).

Melalui Pelan Strategik Agromakanan Negara, *smart farming* adalah salah satu kaedah yang perlu dikembangkan dalam penternakan. Kaedah ini menambahkan produktiviti peningkatan dan kecekapan pengeluaran serta penjimatan kos input ladang ayam, daging dan penelur yang melaksanakan "*closed house system*". Pelaksanaan ini meliputi pemakanan, kutipan, pengredan telur, kawalan suhu dan kelembapan yang tidak dipengaruhi cuaca.

Inisiatif Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia bagi daging ayam dan telur telah memberi kebaikan kepada rakyat Malaysia dalam mendapatkan sumber protein murah di pasaran. Perkara ini tidak menjadi punca kepada pihak ladang mengurangkan pengeluaran ayam dan telur.

Sebaliknya, peningkatan mendadak penggunaan daging ayam dan telur terutama dalam sektor komersil ekoran penamatan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memberi kesan kepada kekurangan daging ayam dan telur di pasaran. Ini adalah kerana pengeluaran daging ayam dan telur rendah berikutan usaha pihak ladang untuk mengurangkan populasi ternakan di ladang bagi menstabilkan pengeluaran sepanjang tempoh PKP.

Bagi mengatasi kekurangan bekalan di pasaran, Kerajaan telah memberi kebenaran untuk mengimport ayam bulat dengan memberi kelulusan kepada 36 syarikat termasuk pasaraya. Keputusan ini adalah bagi memastikan keperluan Negara mencukupi dan mencapai kestabilan. Bagaimanapun, kebenaran ini hanya bersifat sementara dan dilaksanakan sehingga Mei 2022.

Permohonan untuk mendapatkan AP boleh dibuat oleh mana-mana syarikat dan akan diberi kelulusan jika ianya memenuhi syarat-syarat AP yang telah ditetapkan. Permohonan ini juga perlu melalui beberapa jawatankuasa dan kelulusan adalah dalam tempoh satu (1) hingga dua (2) bulan bergantung kepada dokumen yang lengkap.

Kenyataan artikel oleh FMT bahawa rantai bekalan ayam tempatan kini sedang berada dalam keadaan tidak terkawal adalah mengelirukan kerana ianya bersifat tuduhan tidak berasas. Kerajaan kini giat melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif bagi memastikan industri ternakan ayam terus kekal berdaya saing dan menjamin sekuriti bekalan makanan negara demi kebajikan rakyat Malaysia. Antara usaha yang dijalankan termasuklah penawaran skim pembiayaan mudah dengan kadar faedah yang rendah kepada pemain industri ternakan ayam dan pemberian subsidi kepada penternak ayam bagi mengurangkan impak kenaikan kos input pengeluaran seperti makanan ternakan yang menyumbang 70% kos pengeluaran.

Kerajaan senantiasa cakna terhadap permasalahan yang dihadapi oleh pemain industri pertanian khususnya sektor ternakan bagi menjamin sekuriti makanan negara.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
10 MAC 2022